

Minggu Suai Mesra Program Fizik dengan Elektronik Sesi 2011/2012

Artikel Oleh: Saturi Baco



Majlis Minggu Suai Mesra Sesi 2011/2012 pelajar baru bagi Program Fizik dengan Elektronik telah diadakan pada 8 September 2011 di Bilik Kuliah 4, Sekolah Sains & Teknologi. Program FE menerima seramai 33 orang pelajar baru yang terdiri daripada 17 orang perempuan dan 16 orang lelaki. Sesi ini telah dipengerusikan oleh Ketua Program iaitu Dr Fauziah Sulaiman dengan mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar baru dan memperkenalkan para pensyarah Program FE. Sesi ini diteruskan dengan pengenalan kepada struktur kursus teras dan minor yang perlu diambil sepanjang pengajian di UMS. Selain itu pensyarah-pensyarah lain juga telah memberi motivasi dan kata nasihat kepada para pelajar tentang pengurusan masa dan cara pembelajaran yang efektif sebagai dorongan kepada para pelajar agar mereka dapat menamatkan pengajian dengan cemerlang kelak.